

Bina ketahanan fizikal, mental

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



AKTIVITI kayak antara aktiviti yang diikuti oleh para peserta pada kursus berkenaan.



PARA Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan dua kakitangan UNISSA pada sesi bergambar ramai pada Kursus Kepimpinan MPP UNISSA, di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD).

TEMBURONG, Selasa, 15 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) mengendalikan Kursus Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UNISSA), bertempat di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) selama tiga hari, bermula 7 hingga 9 Disember lalu.

Seramai 19 Ahli MPP UNISSA dan dua kakitangan UNISSA berjaya menamatkan Kursus Sekapur Sireh, di Pusat OBBD, Temburong.

Sepanjang kursus tiga hari tersebut, pelajar mengikuti pelbagai aktiviti, seperti kayak, *flying fox*, aktiviti *trust fall*, *jungle trekking* dan berkhemah.

Kursus tersebut bertujuan untuk

membina ketahanan fizikal dan mental, kerjasama sepasukan, berdikari, pengurusan masa dan sebagainya.

Penglibatan para pelajar di dalam kursus ini diharapkan dapat mencapai objektif untuk membentuk perpaduan, kepimpinan dalam menjalankan tugas dan menjadi contoh yang baik kepada pelajar-pelajar lain.

Beri kesedaran mengenai kepentingan keseimbangan kehidupan dunia, akhirat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Kokurikulum Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), baru-baru ini, menganjurkan sebuah program bertemakan Program Pemantapan Rohani dan Motivasi, pada 10 Disember lalu.

Seramai 25 peserta, terdiri daripada penerima bantuan Sara Diri dari YSHHB menghadiri program tersebut, yang berlangsung selama sehari, di Dewan Auditorium, UNISSA.

Objektif program itu diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada peserta sebagai persediaan untuk bekalan tidak hanya di dunia, malahan di akhirat juga menggalas tanggungjawab dan amanah sebagai khalifah di muka bumi ini.

Program memberikan kesedaran kepada para peserta bahawa keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat adalah amat penting juga bagaimana usaha dalam keusahawanan boleh menjadi bekal seseorang untuk akhirat.

Selain itu juga, program tersebut memberikan peluang kepada para peserta untuk memantapkan lagi pengisian Fardu Ain yang amat perlu dalam diri individu dan memberi motivasi dalam menuntut ilmu dunia mahupun akhirat.

Pentingnya program itu juga adalah bertujuan untuk menyedarkan para peserta supaya memanfaatkan dan menghargai setiap potensi juga peluang yang ada dengan sebaiknya untuk membawa ke arah yang

FORUM bertajuk 'Usahawan Akhirat', disampaikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili (kanan) dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Anwari bin Haji Rawi (tengah).

diredai Allah.

Antara ucapan alu-aluan Ketua Unit Kokurikulum, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Program menjelaskan tentang kepentingan menjaga amalan kerohanian sebagai bekalan seorang Muslim mengharungi apa juga cabaran dalam kehidupan lebih-lebih lagi dalam era globalisasi

Antara pengisian program tersebut adalah Bengkel Pemantapan Solat, disampaikan oleh Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dan Forum bertajuk 'Usahawan Akhirat', disampaikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Anwari bin Haji Rawi.

Para peserta diberikan pendedahan tentang kepentingan menjaga sembahyang sebagai asas bekalan rohani dan kepentingan berusaha dengan tangan sendiri juga menyeimbangkan saham



dunia akhirat.

Program pada sebelah petang disempurnakan dengan penyampaian sijil oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Mustapha bin Haji Matahir selaku tetamu kehormat.



ANTARA peserta yang menghadiri Program Pemantapan Rohani dan Motivasi tersebut semasa mengemukakan pertanyaan.